

JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT

Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3  
Tarikh : ~~X~~ Oktober 2019

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 7/2019**

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua  
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN KAEDAH TERIMAAN MELALUI QR PAY**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa pekeliling pelaksanaan kaedah terimaan melalui QR Pay seperti di lampiran ini dikeluarkan untuk makluman dan rujukan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Untuk makluman Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pekeliling ini berkuatkuasa mulai **15 November 2019**. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pekeliling ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

***"Akauntabiliti Pegangan Kita"***

Yang benar,



**NORINI MOHAMAD**

Pengarah Eksekutif Kewangan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM



UNIT DASAR & PENGUATKUASAAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4521 Faksimili: +603-8921 4744 E-mel: penguatkuasaanjbend@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
- Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
- Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM



#### UNIT DASAR & PENGUATKUASAAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4521 Faksimili: +603-8921 4744 E-mel: penguatkuasaanjbend@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)





## **PEKELILING BENDAHARI BIL. 7/2019**

---

### **PELAKSANAAN KAEDAH TERIMAAN MELALUI QR PAY**

#### **TUJUAN**

1. Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan pelaksanaan kaedah pembayaran menggunakan *ewallet* QRPay bagi merealisasikan hasrat Kampus Digital dalam Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Dalam era digital, sesebuah agensi mempunyai pelbagai alternatif penerimaan tanpa melibatkan tunai. Kaunter penerimaan di UKM masih menerima wang tunai walaupun menawarkan pelbagai kaedah lain seperti kad kredit, kad debit dan perbankan atas talian. Penerimaan secara tunai boleh mendatangkan risiko dan masalah kepada sesebuah agensi jika proses dan peraturan tidak dipatuhi. Ketelusan dan akauntabiliti juga sukar untuk diperolehi dengan penerimaan tunai kerana masih wujud peluang untuk berlaku ketirisan dan penipuan. Selain itu, UKM juga terdedah kepada risiko kecurian dan rompakan jika masih menerima tunai di kaunter.

3. Justeru itu, UKM telah melancarkan Strategi Kampus Digital pada 13 Januari 2018 sebagai salah satu inisiatif yang membawa kepada cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 dan Perancangan ICT Strategik UKM 2016-2020. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk memenuhi cabaran ini, usaha yang dilakukan adalah program *Cashless Campus* di bawah Kampus Digital. Walau bagaimanapun, masih ada resit tunai di beberapa kaunter UKM, terutama yang melibatkan amaun yang kecil. Pada 20 Julai 2019, Universiti bersetuju untuk melaksanakan kaedah terimaan melalui QRPay dengan kerjasama pihak Maybank. Projek ini melibatkan pelaksanaan di kaunter-kaunter pusat penerimaan di UKM. Pembayaran digital akan meningkatkan kebertanggungjawaban dan pengesanan serta mengurangkan risiko kehilangan, ketidakpatuhan dan kecurian. Pembayaran melalui QRPay membolehkan pelanggan membuat pembayaran tanpa tunai melalui telefon pintar.

4. Antara faktor yang mempengaruhi perkara tersebut adalah tabiat pengguna yang kini banyak melaksanakan urusan dalam talian terutamanya e-dagang. Justeru itu, UKM mengambil langkah proaktif dalam memacu usaha ke arah memastikan universiti seiring dengan kemajuan teknologi terkini.

## TAFSIRAN

5. **ewallet** atau dompet digital, berfungsi seperti dompet fizikal iaitu menyimpan wang, kad debit, kad kredit, dan juga maklumat akaun bank kita dalam satu aplikasi bertujuan untuk menggantikan dompet fizikal.

6. **QRPay** adalah satu salah satu platform pembayaran menggunakan aplikasi melalui telefon pintar dengan mengimbas kod khas yang disediakan. Amaun akan ditolak terus dari akaun simpanan atau *ewallet* MAE pelanggan.

7. **MAE** merupakan salah satu perkhidmatan *ewallet* yang disediakan oleh Maybank bagi memudahkan urusan pembayaran.

8. **Pelanggan** merujuk kepada pelajar, kakitangan, pelanggan luar, pesakit atau individu/organisasi yang berurusan dengan UKM.

## PELAKSANAAN

9. Pelaksanaan QRPay bertujuan untuk menangani masalah kewangan seperti berikut:
  - i) Mengatasi risiko kehilangan dan ketirisan wang
  - ii) Mengurangkan masalah penerimaan secara runcit
  - iii) Mengatasi masalah penerimaan tidak dikenalpasti
  - iv) Mengurangkan kesilapan merekod transaksi
10. Faedah dan kelebihan yang menggunakan QRPay adalah seperti berikut:
  - i) Boleh digunakan secara meluas
  - ii) Pelanggan tidak terhad kepada pemegang akaun Maybank
  - iii) Selamat digunakan kerana sistem mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi
  - iv) Memudahkan urusan pembayaran dalam kampus tanpa perlu membawa tunai
  - v) Penggunaan telefon pintar bagi urusan pembayaran.

11. Syarat-syarat pelaksanaan Maybank QRPay adalah seperti berikut;
- i) Pelanggan perlu memuatnaik aplikasi Maybank pada telefon pintar (pemegang selain akaun Maybank hendaklah mendaftar melalui MAE diaplikasi ini)
  - ii) Setiap PTj akan dibekalkan dengan kata nama, kata laluan dan QR Code unik mengikut PTj masing-masing.
  - iii) PTj hendaklah memaparkan QR Code di kaunter bagi tujuan pengimbasan semasa pembayaran dibuat.
  - iv) Kakitangan yang bertugas di kaunter perlu menggunakan telefon pintar bagi tujuan semakan transaksi yang dibuat oleh pelanggan.
  - v) Resit Rasmi Universiti bagi penerimaan di kaunter hendaklah dikeluarkan bagi setiap transaksi yang berjaya.

Sila rujuk **Lampiran 1 Manual Operasi Penggunaan Maybank QRPay**.

## PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

12. **Jabatan Bendahari** bertanggungjawab:
- i) Mengenalpasti PTj yang perlu menggunakan perkhidmatan QRPay.
  - ii) Menguruskan urusan pendaftaran QRPay untuk PTj
  - iii) Memastikan data setiap transaksi berjaya direkodkan.
13. **Pusat Tanggungjawab (PTj)**
- i) Memaparkan QR Code di kaunter penerimaan
  - ii) Memastikan transaksi berjaya sebelum pengeluaran resit rasmi
  - iii) Memastikan peraturan penerimaan dipatuhi. Rujuk prosedur UKM-SPKP-PKU14 Pengurusan Penerimaan.

## PENGUATKUASAAN

Jabatan Bendahari mensasarkan pelaksanaan peringkat awal pada 1 November 2019 di semua pusat penerimaan Kampus Bangi dan pelaksanaan secara menyeluruh di semua kampus UKM mulai tahun 2020. Mulai 15 November 2019 semua kaunter pusat penerimaan PTj tidak dibenarkan menerima tunai di kaunter selain daripada Kaunter Hasil, Jabatan Bendahari. Sekiranya penerimaan tunai masih diterima, tindakan tatatertib akan dikenakan.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan perkara ini boleh menghubungi Bahagian Hasil, Jabatan Bendahari di talian 03-8924760/ 5173.

Sekian, terima kasih.

***“Akauntabiliti Pegangan Kita”***

Yang benar,



**NORINT MOHAMAD**

Pengarah Eksekutif Kewangan  
Universiti Kebangsaan Malaysia


- s.k - Naib Canselor, UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM  
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM  
- Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)  
- Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)  
- Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)  
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM

## MANUAL OPERASI PENGGUNAAN MAYBANK QR PAY

Manual Operasi ini terbahagi kepada 2 peranan iaitu **Jabatan Bendahari** dan **Pusat Tanggungjawab (PTj)**.

### 1. Jabatan Bendahari

- 1.1. Sila muat turun aplikasi “**MAYBANK QR PAY BIZ**” di Play Store (Android) dan App Store (iOS).



- 1.2. Klik pada tab ‘Pilih “**LOGIN**” untuk log masuk



1.3. Sila Log Masuk sebagai ‘Manager’




1.4. Masukkan nombor PIN.



1.5. Paparan menu utama



1.6. Pilih ‘Settings’ di menu sebelah kiri




- 1.7. Menu utama tetapan akan dipaparkan.




- 1.8. Daftar PTj dengan '**Cashier ID**' iaitu '**Username**' bersama enam (6) digit PIN dan '**Static QR Code**' untuk urusan penerimaan dan hantar pemakluman melalui surat.

- i. Pilih '**Cashier**' di menu tetapan untuk menambah pusat penerimaan di PTj.



## LAMPIRAN 1


- ii. Pilih simbol ‘+’ di sebelah atas kanan untuk penetapan ‘**Cashier**’



- iii. Masukkan ‘**Username**’ dan tetapkan 6 digit PIN untuk ‘**Cashier ID**’ bagi pusat proses penerimaan di PTj.




- iv. Selesai untuk penetapan '**Cashier**'
- 1.9. Kemudian, pergi ke menu tetapan semula untuk mencetak '**Static QR Code**'.
- Pilih '**Static QR**' di menu tetapan




- '**Static QR**' akan dipaparkan untuk dimuat turun dan sedia untuk dicetak.



1.10. Pilih "Outlets" di menu tetapan.



1.11. Masukkan nama "Outlets" dan pilih lokasi.



## 2. Pusat Tanggungjawab (PTj)


- 2.1. Sila muat turun aplikasi “**MAYBANK QRPAYBIZ**” di Play Store (Android) dan App Store (iOS).
- 2.2. Kakitangan akan menerima ‘**Cashier ID**’ iaitu ‘**Username**’ bersama enam (6) digit PIN dan ‘**Static QR Code**’. Kakitangan perlu pilih login untuk log masuk.



- 2.3. Sila klik log masuk sebagai ‘**Cashier**’




2.4. Sila masukkan ID tersebut bagi log masuk.



2.5. Paparan menu utama



2.6. Kemudian pergi ke menu tetapan. Pilih ‘**Transaction**’ pada paparan menu sebelah kiri.



2.7. Semak transaksi samaada berjaya atau tidak (paparan untuk 90 hari sahaja)



2.8. Keluarkan Resit Rasmi apabila transaksi berjaya.

2.9. Failkan